# PERBANDINGAN KEMAHIRAN VOKASIONAL DIPERLUKAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SEKOLAH MENENGAH HARIAN BIASA DENGAN SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL PENDIDIKAN KHAS

*Masitah Hayati Mad Isa & Suhaida Abdul Kadir*
*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

## Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perbandingan kemahiran vokasional yang diperlukan oleh pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah menengah harian biasa dengan Sekolah Menengah Pendidikan Khas / Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas. Peruntukan satu peratus peluang kerja kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1988 perlu diambil perhatian memandangkan pelajar-pelajar berkeperluan khas ini memerlukan latihan, kemahiran serta persedian yang cukup semasa berada di sekolah bagi memenuhi pasaran pekerjaan. Oleh yang demikian, dalam artikel ini juga membincangkan kurikulum Pendidikan Khas yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu Masalah Pembelajaran, Masalah Pendengaran serta Masalah Penglihatan. Kurikulum di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah harian biasa dilihat tidak menjurus kepada kemahiran yang diperlukan pelajar berbanding di Sekolah Menengah Pendidikan Khas / Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas yang menawarkan lebih banyak jurusan kemahiran kepada pelajar berkeperluan khas. Justeru, cadangan kepada penambahbaikan kurikulum vokasional di PPKI sekolah menengah harian biasa agar setanding dengan pelajar yang berada di Sekolah Menengah Pendidikan Khas / Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas.

## Pengenalan

Pekerjaan adalah satu hala tuju penting dalam kehidupan seseorang individu dan tidak terkecuali golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) (Zinaida, 2009). Cabaran paling besar golongan OKU di Malaysia pada hari ini adalah mendapat peluang pekerjaan. Faktor yang menghalang OKU di Malaysia mendapatkan pekerjaan termasuklah sikap negatif dan diskriminasi ekoran kurangnya kesedaran mengenai keupayaan golongan tersebut (Rohani Ibrahim, 2010). Golongan kurang upaya ini masih dipertikaikan lagi keupayaan mereka oleh masyarakat menyebabkan ramai yang masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun sudah berada di sekolah sehingga umur 19 tahun. Sebenarnya golongan OKU tidak terkecuali daripada menyumbang bagi meningkatkan perubahan dalam bidang politik, ekonomi, sosial, sains dan teknologi serta teknologi maklumat.



Dasar memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) telah dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1988 (PP 10/1988) yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2008. Tujuan pelaksanaan dasar ini ialah untuk membantu OKU yang memiliki kelayakan dan atau kemahiran diberi peluang menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam. Walaubagaimanapun, selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan pembangunan modal insan dan menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang, kerajaan telah bersetuju supaya pekeliling perkhidmatan berkenaan diperkemaskan dan pengambilan OKU pada kadar sekurang-kurangnya 1% dalam perkhidmatan awam tercapai. Bagi sektor swasta, Jawatankuasa Penggalakkan Penggajian Orang Cacat Di Sektor Swasta telah ditubuhkan dalam tahun 1990 di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Seterusnya, Akta Orang Kurang Upaya 2008 telah diwartakan dan antaranya dalam Bab 1 : Penggalakkan Kepada Pembangunan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya menyatakan OKU mempunyai Akses Kepada Pekerjaan yang mana mereka mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas keseterataan orang upaya. Akta OKU 2008 ini memberikan pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep *right-based*. Akta ini juga membolehkan OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain.

Bersadarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 / 2010, telah mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan fizikal jangka panjang, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka

dalam masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula telah mengklasifikasikan Orang Kelainan Upaya (OKU) kepada enam (6) kategori utama iaitu : Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Fizikal, Cerebral Palsy, Masalah Pembelajaran, Lain-lain (Diagnosa perubatan di bawah kategori ini merangkumi semua masalah kurang upaya yang tidak dinyatakan). Walau apapun istilah atau takrifan mengenai OKU yang diberikan oleh beberapa pihak, soal penekanan masa depan OKU adalah antara isu yang kini mula mendapat perhatian di mata dunia. Kebebasan dan kelantangan bersuara badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam mengetengahkan pendapat dan masalah mengenai OKU di negara-negara barat terutamanya, menyebabkan nasib golongan itu kian terbela. Golongan berkeperluan khas ini juga seperti insan lain yang memerlukan pekerjaan supaya tidak hanya bergantung harap kepada keluarga dan menunggu ihsan dari orang lain untuk memenuhi keperluan seharian. Untuk masuk ke alam pekerjaan, golongan ini juga perlu dilatih supaya dapat memenuhi kehendak kemahiran semasa. Namun, berapa ramai di kalangan kita yang sanggup menggajikan golongan OKU ini tanpa syarat dan peraturan sehingga ia menjadi kesan negatif terhadap imej diri dan penghargaan kendiri mereka.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 16/2002 telah menyatakan pelaksanaan proses pembelajaran dalam program pendidikan khas di sekolah kebangsaan pendidikan khas asasnya adalah mengikuti tempoh belajar sebagaimana murid-murid di aliran perdana iaitu selama 6 tahun di sekolah rendah dan 5 tahun di sekolah menengah sehingga Tingkatan Lima, menjadikan jumlah tempoh belajar selama 11 tahun. Namun begitu bagi pelajar berkeperluan khas di semua sekolah pendidikan khas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan bahawa tempoh tersebut boleh dilanjutkan kepada tambahan tempoh belajar selama 2 tahun lagi, menjadikan jumlah tempoh belajar selama 13 tahun maksimum. Tempoh lanjutan belajar ini boleh diambil sama ada di peringkat persekolahan rendah ataupun menengah ataupun kedua-duanya iaitu satu tahun di peringkat rendah dan satu tahun di peringkat menengah (SPI Bil.16/2002). Ini bermakna bagi murid yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah rendah, tempoh belajar adalah dari umur minimum 6 tahun sehingga maksimum 14 tahun dan bagi pelajar sekolah menengah dari 13 tahun sehingga maksimun 19 tahun.



Program Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui : 1. Sekolah Khas bagi murid Bermasalah Pendengaran, 2. Sekolah Khas bagi murid Bermasalah Penglihatan, 3. Program Pendidikan Khas Integrasi khusus Bermasalah Pembelajaran (Lokman Tahir & Nurul Qistin Mustafa, 2011). Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Walaubagaimanapun, pelajar yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) boleh memohon melanjutkan pelajaran ke tingkatan 4 di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional melalui Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jika pelajar masih kekal di PPKI sekolah harian biasa, mereka boleh terus belajar sehingga 19 tahun dan kemudian boleh memilih untuk bekerja. Oleh yang demikian, pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di sekolah harian biasa ini mempunyai penguasaan rendah dalam bidang akademik dan latihan vokasional, maka program latihan dan kemahiran yang sesuai dapat menjamin masa depan OKU yang ingin bersaing dalam pasaran kerja (Zinaida, 2009).

## Kurikulum Pendidikan Khas

Falsafah Pendidikan Khas menyatakan dalam huraian antara lain mewujudkan program transisi bagi pelajar-pelajar dengan keperluan pendidikan khas untuk mendapatkan penyesuaian dalam budaya kerja. Selain itu dapat menghasilkan program-program berteraskan pra-vokasional dan voksional supaya pelajar-pelajar dengan keperluan-keperluan pendidikan khas mempunyai kemahiran-kemahiran bekerja sendiri (Falsafah Pendidikan Khas). Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah dan menengah harian biasa adalah sama berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (2003) oleh Jabatan Pendidikan Khas, KPM. Mata pelajaran dibahagikan kepada 4 bidang iaitu Bidang Pengurusan Kehidupan, Bidang Akademik Berfungsi, Bidang Kerohanian, Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti. Secara mendalamnya di dalam Bidang

Kemahiran Pengurusan Kehidupan terdiri dari 4 Mata Pelajaran iaitu Pengurusan Diri, Kemahiran Manipulatif, Pengurusan Tingkah Laku dan Kemahiran Hidup. Di dalam Bidang Akademik Berfungsi pula terdapat 4 Mata Pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris, Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti terdapat 4 Mata Pelajaran iaitu Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik, Gerakan dan Drama dan yang terakhir Pendidikan Sains, Sosial Alam Sekitar. Manakala Bidang Kerohanian hanya 2 Mata Pelajaran sahaja iaitu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Di dalam Komponen Mata Pelajaran Kemahiran Hidup pula hanya mengandungi sukatan tajuk-tajuk berikut: Masakan, Jahitan, Pertukangan, Perkebunan, Pemeliharaan Haiwan dan Asas Mendobi.

Pada peringkat awal, Program Pendidikan Khas adalah memberi pendedahan kepada berkeperluan khas mempelajari dan menguasai kemahiran hidup (Anizam, Maznah & Amla 2012). Silibus pendidikan khas pada ketika it hanya sekadar untuk tujuan keperluan hidup (Lokman, Nurul Qistin & Mohd Hanafi 2009). Walaubagaimanapun selepas transformasi pendidikan dan bermulalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Masalah Pembelajaran dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti secara optimum kepada murid-murid Masalah Pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Hasil tinjauan pengkaji kepada 2 kurikulum iaitu lama dan KSSR didapati bahawa hanya murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran yang berada di sekolah rendah telah menjalani pengajaran dan pembelajaran KSSRPK ini yang sehingga kini baru di Tahun 4 dan kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di sekolah menengah masih menggunakan kurikulum lama seperti yang dihuraikan di atas tadi.



Manakala kurikulum pelajar Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran dan Penglihatan) mengikuti kurikulum kebangsaan seperti pelajar normal seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Agama Islam/Moral, Sains, Sejarah, Pendidikan Jasmani serta Sivik dan Kewargeneraan (Bahagian Pendidin Khas, 2012). Walaubagaimanapun, pakej kurikulum elektif dan bidang kemahiran vokasional yang diberikan kepada pelajar adalah mengikut keperluan dan kategori. Di samping itu, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (Masalah Pendengaran, Penglihatan dan Pembelajaran) menjalankan 2 jenis kursus kemahiran iaitu Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Malah, sehingga tahun 2010, terdapat tiga buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), sebuah Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) dan tiga buah sekolah menengah harian Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) iaitu 1 di Terengganu, 1 di Sarawak dan 1 di Negeri Sembilan yang menawarkan pakej Mata Pelajaran Akademik, MPV dan SPM, serta lima buah sekolah aliran vokasional PPKI untuk pelajar berkeperluan khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2011). Maka, usaha yang murni oleh Bahagian Pendidikan Khas tersebut harus diberikan sokongan tetapi agak malang bagi Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah menengah harian biasa lain yang tidak terpilih kerana masih menggunakan kurikulum asal seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 Bahagian II 3(2) yang menyatakan:

> "*Seseorang murid dengan keperluan khas adalah boleh dididik jika dia mampu untuk mengurus diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain dan disahkan oleh panel yang terdiri daripada pengamal perubatan, pegawai Kementerian Pendidikan dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebagai berupaya mengikuti program Pendidikan Kebangsaan layak untuk menghadiri Program Pendidikan Khas kecuali murid-murid yang berikut; a) murid yang cacat anggota tetapi mempunyai kebolehan mental untuk belajar seperti murid biasa; dan b) murid yang mempunyai pelbagai kecacatan atau yang sangat cacat anggotanya atau yang terencat akal yang berat.*"

Untuk memenuhi keperluan individu, program pengajaran dan pembelajaran yang dibentuk adalah fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan "*guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran,*

*masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas*". Maka, disebabkan kurikulum Pendidikan Khas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang tidak menjurus kepada kemahiran vokasional, guru-guru Pendidikan Khas di sekolah menengah harian biasa mengambil peluang serta inisiatif mengajar pelajar kemahiran vokasional berdasarkan 6 sukatan tajuk yang terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Pendidikan Khas iaitu Masakan, Jahitan, Pertukangan, Perkebunan, Pemeliharaan Haiwan dan Asas Mendobi.

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) iaitu dihuraikan dalam Bab 4 – Pembelajaran Murid, di bawah subtajuk Pendidikan Khas, menyatakan bahawa walaupun kurikulum khusus untuk kumpulan berkeperluan khas telah dibentuk (misalnya Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan dan Masalah Pendengaran), tetapi kurangnya sokongan dan bantuan untuk murid Bermasalah Pembelajaran iaitu murid ini mungkin lebih sesuai untuk kurikulum vokasional sebagai menyediakan mereka dengan kemahiran hidup berbanding kurikulum akademik arus perdana. Sehubungan itu, Gelombang 1 PPPM bagi tahun 2013-2015 (*Mengukuhkan Asas Sedia Ada*) telah menyatakan bahawa KPM akan meneruskan usaha meningkatkan kualiti pendidikan dengan melibatkan lebih banyak kemahiran vokasional seperti refleksologi dan komputer grafik dalam kurikulum pendidikan khas, meningkatkan infrastruktur dan kelengkapan di sekolah arus perdana dan sekolah pendidikan khas, meningkatkan kemudahan pendidikan khas, menyediakan modul asas latihan pendidikan khas di IPGM dan IPTA, menyediakan modul latihan dalam perkhidmatan dengan tahap kepakaran yang berbeza (daripada asas kepada pakar), dan menyediakan kurikulum dan pentaksiran khusus mengikut tahap kebolehan murid.

Menurut Anizam, Manisah dan Amla (2013), pendidikan serta latihan vokasional merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan golongan pelajar berkeperluan khas dalam persediaan ke alam pekerjaan. Malah, melalui pendidikan vokasional, pelajar berkeperluan khas memperoleh kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan.

Jadual di bawah adalah perbandingan mata pelajaran yang diajar kepada pelajar pendidikan khas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah harian dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas / Vokasional Pendidikan Khas.

| PPKI Sekolah Menengah Harian | Sekolah Menengah Pendidikan Khas / Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas |
|---|---|
| • Mata Pelajaran Teras/Wajib/ Tambahan<br>- Bahasa Melayu<br>- Bahasa Inggeris<br>- Matematik<br>- Multimedia<br>- Pendidikan Islam / Moral<br>- Pendidikan Jasmani<br>- Pendidikan Seni<br>- Sains, Sosial, Alam Sekitar<br>- Pengurusan Diri<br>- Pengurusan Tingkah Laku<br>- Kemahiran Manipulatif<br>- Pendidikan Muzik | • Mata Pelajaran Teras/Wajib<br>- Bahasa Melayu<br>- Bahasa Inggeris<br>- Matematik<br>- Pendidikan Islam / Moral<br>- Sains<br>- Sejarah<br>- Pendidikan Jasmani<br>- Sivik & Kewarganegaraan<br><br>• Mata Pelajaran Elektif<br>- Seni Visual<br>- Literasi Komputer |
| • Mata Pelajaran Kemahiran Hidup (mengikut Sub Tajuk)<br>- Masakan<br>- Jahitan<br>- Pertukangan<br>- Perkebunan<br>- Pemeliharaan Haiwan<br>- Asas Mendobi | • Bidang Vokasional MPV / SKM (mengikut jurusan yang ditawarkan di sekolah)<br>1. <u>Bermasalah Pendengaran</u><br>- Pembantu Pakaian Wanita<br>- Pembantu Penyedia Makanan<br>- Pendandan Rambut & Muka<br>- Mekanik Penyejuk dan Penyaman Udara (Domestik)<br>- Jurukimpal Arca Logam Berperisai<br>- Jurubina Bangunan |

| | |
|---|---|
| | - Pembuat Perabot<br>- Juruelektrik Elektrik Rendah<br>- Jurubatik Lukis<br>- Pemasangan Badan Motosikal<br>- Kursus Artis *Desktop Publishing*<br>- Grafik Berkomputer<br>- Katering<br>- Hortikurtur Hiasan dan Landskap<br>- Rekaan dan Jahitan Pakaian<br>- Pembinaan Domestik<br>- Menservis Peralatan Elektrik Domestik<br><br>2. <u>Bermasalah Penglihatan</u><br>- Refleksologi<br><br>3. <u>Bermasalah Pembelajaran</u><br>- Pembantu Penyedia Makanan<br>- Jurubina Bangunan<br>- Pemasangan Badan Motosikal<br>- Atendan Bilik<br>- Atenden Linen<br>- Pembantu Pendandan Rambut Muka<br>- Juru Kecantikan<br>- Pembantu Penyedia Roti<br>- Jurubatik Terap<br>- Jurubatik Skrin<br>- Jurubatik Lukis<br>- Landskap dan Nurseri<br>- Tanaman Makanan<br>- Pekerja Ladang Ternakan Poltri<br>- Pekerja Ladang Ruminan<br>- Juruteknik Rendah Akuakultur<br>- Pemprosesan Makanan |

Kurikulum sedia ada kepada pelajar Bermasalah Pembelajaran di PPKI dilihat lebih cenderung kepada pendidikan bercorak akademik dan sebaliknya aspek vokasional hanya merupakan aspek kecil yang diselitkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kurikulum vokasional pelajar Bermasalah Pembelajaran seharusnya menekankan ke arah mendedahkan pelajar dengan kemahiran untuk bersosialisasi, kaunseling kerjaya, meningkatkan keyakinan diri, hidup berdikari, latihan vokasional, menyesuaikan diri dengan pekerjaan, kemahiran membaca dan mengeja, kemahiran mengorganisasi dan mentadbir kewangan, penerapan bidang keusahawanan serta kemahiran mengawal diri yang merupakan kunci kejayaan dalam sesuatu bidang (Gerber 2003, Bristow 1990). Apa yang dilihat ia berlaku apabila bidang vokasional yang didedahkan kepada pelajar kadangkala tidak dapat memenuhi keperluan mereka dari segi minat dan kebolehan serta tidak memenuhi keperluan penawaran guna tenaga. Kajian oleh Noraini Mohd Salleh, Ramlee Mustapha & Abd Razak Habib (2005) menunjukkan kelemahan vokasional kepada pelajar Bermasalah Pembelajaran disebabkan beberapa faktor iaitu kekurangan alatan dan kemudahan, mata pelajaran vokasional tidak ditawarkan di sekolah, kurang penekanan ke atas program vokasional pelajar khas, program vokasional tidak dilaksanakan sepenuhnya dan pelajar hanya belajar kemahiran asas sahaja, kurang tenaga pengajar untuk mengajar kemahiran vokasional serta hanya menekankan teori sahaja.

McConkey (1998) mencadangkan agar kurikulum vokasional pelajar Bermasalah Pembelajaran harus diberi fokus dalam pemilihan bidang kemahiran hidup di samping penekanan aspek latihan di tempat kerja (*on the job training*) sebagai cara memberi lebih peluang kepada pelajar untuk bersaing mendapatkan pekerjaan yang boleh menjamin masa depan mereka kelak. Melihat kepada jurusan kemahiran yang ditawarkan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas atau

Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas, jelas menunjukkan bahawa pelajar di sekolah tersebut mendapat latihan dan bimbingan kemahiran vokasinal yang sangat diperlukan berbanding pelajar di sekolah menengah harian biasa yang mendapat pendidikan dari aspek kemahiran kecara umum sahaja. Malah setiap kursus atau jurusan yang ditawarkan memberi penekanan kepada aspek *on the job training* seperti yang di cadangkan oleh McConkey.

Sebagai cadangan beberapa kemahiran yang sangat diperlukan oleh pelajar Bermasalah Pembelajaran di PPKI sekolah menegah harian biasa antaranya adalah bidang kemahiran meliputi pertukangan (kayu/kerja paip/pembinaan bangunan), kraftangan, pertanian (berkebun/landskap), jahitan (pakaian/langsir), mendobi, automotif (baikpulih enjin/mengecat kenderaan), pembersihan (kenderaan/bangunan), perhotelan (mengemas bilik/penyediaan makanan), kemahiran fotostat & menjilid, perawatan kecantikan (muka/rambut) dan masakan (kek/bakeri/katering) yang mana ianya akan digabungkan dengan kemahiran keusahawan.

## Rujukan


Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali & Amla Mohd Salleh. (2012). *Penerapan Kemahiran Kebolehkerjaan dalam Kalangan Pelajar Berkeperluan Khas*. Paper presented at Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru, Malaysia.

Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali & Amla Mohd Salleh. (2013). *Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan*. Paper presented the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, Penang, Malaysia.

Bahagian Pendidikan Kha, KPM. (2011). Permohonan Penempatan Murid Berkeperluan Khas Ke Tingkatan 4 Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Dimuat turun dari http://apps.moe.gov.my/jpkhas/permohonan/panduan_ting4.pdf pada 7 November 2013.

Bahagian Pendidikan Khas, KPM. (2013). Dimuat turun dari http://www.moe.gov.my/bpkhas/index.php?option=com_content&view=article&id=1:selamat-datang-ke-portal-rasmi-jabatan-pendidikan-khas&catid=1:latest-news pada 6 November 2013.

Bristow, C. & James, C.A. (1990). Entrepreneurship Education. The Way Forward for Vocational Education. *Illionis School Journal*. 70:19-26.

Gerber, P.J., Price, L.A., (2003), Person with learning disabilities in workplace : What we know so far in the American with disabilities Act era. *Learning Disabilities Research and Practice*. 18(2). 132-136.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2007). Dasar Orang Kurang Upaya. Muat turun dari http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=88&Itemid=1017 &lang=ms pada 5.6.2012

Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dimuat turun dari http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/garispanduanppendaftaranoku.pdf pada 6 November 2013.

Jabatan Pendidikan Khas, KPM. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah & Menengah.*

Jabatan Perkhidmatan Awam. *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010*. Dimuat turun dari http://www.jpa.gov.my/docs/pp/2010/16/pp162010.pdf pada 3 Mei 2013.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.* Dimuat turun dari http://www.moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025 pada 14 Jun 2013.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 16/2002*. Dimuat turun dari http://www.moe.gov.my/v/pekeliling-ikhtisas?page=14 pada 11 Oktober 2013.

Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa & Mohd Hanafi Mohd Yassin. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil.24, 73-87.

Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik Dan Vokasional Untuk Golongan Kurang Upaya. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*. Vol 1. 58-71.

Maslinda Mat Daros, Mohd Safarin Nordin & Muhammad Sukri Saud. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya. *Journal of Social Science*. Vol.5:42-46.

McConkey, R. (1998). Education For Life. *British Journal of Special Education*, 25, 55-59.

Noraini Mohd Salleh, Ramlee Mustapha & Abd Razak Habib. (2005). *Technical, Vocational and IT Provision and Competencies of Secondary and Primary School Student With Special Need in Malaysia*. Projek IRPA. Fakulti Pengajian Pendidikan, UKM Bangi.

Peter, J.C., Emeliana Elias, Mohd Sofi Nasri. (2010). *Perkembangan Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Muat turun dari eprints.utm.my/14941/1 pada 10.4.2012

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Kategori Orang Kurang Upaya (OKU). Dimuat turun dari http://www.spa.gov.my/Portal/Kategori_OKU pada 12 Jun 2013.

Undang-Undang Malaysia. (2008). Akta 685. *Akta Orang Kurang Upaya 2008*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Muat turun dari http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/oku2008scan.pdf pada 3.4.2013

Zinaida Ariffin. (2009). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.